

Yayasan UMP sedia kelengkapan sekolah 104 pelajar

Oleh **Mohd Rafi Mamat** - Januari 23, 2021 @ 8:30am

bhnews@bh.com.my



Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Malaysia Pahang (UMP) Profesor Datuk Dr Yuserrie Zainuddin menyampaikan bantuan kelengkapan persekolahan kepada anak kakitangan di Dewan Astaka UMP Gambang. - Foto NSTP/Mohd Rafi Mamat

KUANTAN: Yayasan Universiti Malaysia Pahang (UMP) tampil membantu menyediakan kelengkapan persekolahan kepada 104 anak kakitangan pusat pengajian tinggi berkenaan.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Profesor Datuk Dr Yuserrie Zainuddin, berkata bantuan diberikan bagi meringankan beban kakitangan yang kurang berkemampuan.

Katanya, selain pakaian sekolah termasuk stoking, kasut dan beg, turut diberikan alat tulis sebagai pelengkap kepada bantuan.

"Memandangkan Pahang berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pemberian sumbangan dilakukan dengan cara janji temu, kakitangan yang layak menerima bantuan hadir bersama anak mereka pada masa yang ditetapkan.

"Hanya penjaga sahaja dibenarkan menemani anak mereka sepanjang program agihan," katanya pada program sumbangan kelengkapan persekolahan oleh Yayasan UMP di Dewan Astaka UMP Gambang, di sini semalam.

Yang turut hadir, Ketua Eksekutif Yayasan UMP, Mohd Jamil Mohd Ja'afar.

Pada program berkenaan Yayasan UMP turut mengagihkan bantuan berupa makanan kepada masyarakat setempat yang menjadi mangsa banjir.

Yuserrie yang juga Timbalan Pengerusi Yayasan UMP berkata, bantuan kelengkapan persekolahan musim kedua yang diberikan kepada anak kakitangan UMP antara bukti keprihatinan Yayasan UMP.

Katanya, pihaknya turut menggerakkan usaha murni sepanjang tahun melalui kempen 'Staf Bantu Staf' untuk mengumpul dana bagi membantu kakitangan UMP yang ditimpa bencana selain masalah kesihatan.

Pengawal Keselamatan UMP, Nor Asfarida Mohd Nafiah, 39 berkata dia bersyukur menerima bantuan persekolahan dua anaknya yang sedang belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Lepar Hilir, di sini.

"Alhamdulillah bantuan diterima dapat membantu meringankan beban yang ditanggung, sebagai ibu tunggal tanggungjawab saya lebih berat setiap kali menjelang sesi baharu persekolahan," katanya.